



KP(BPSH-SPDK)201/002/1/Jld.27(*file*)

Tarikh : 8 April 2010



Prof. Dr. Chia Swee Ping
Presiden Institut Fizik Malaysia
Jabatan Fizik Universiti Malaya
50803 Kuala Lumpur

Tuan,

PERTANDINGAN FIZIK KEBANGSAAN 2010

Dengan hormatnya saya menujuk kepada surat tuan mengenai perkara di atas.

2. Setelah meneliti permohonan yang dikemukakan, Kementerian Pelajaran Malaysia tiada halangan kepada pihak Institut Fizik Malaysia untuk mengundang murid-murid sekolah menengah di sekitar Malaysia untuk menyertai **Pertandingan Fizik Kebangsaan 2010** yang akan diadakan pada 29 Julai 2010 seperti yang terkandung di dalam surat tuan kepada kami dan pihak tuan adalah tertakluk di bawah Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004 – Ruj. KP(BS)8691/Jld.XVIII(9) bth. 16 Sept.2004 – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

3. Sehubungan dengan ini, pihak tuan dinasihatkan supaya mengadakan perbincangan dengan Pengarah Pelajaran Negeri yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah yang terbaik untuk melaksanakan program ini memandangkan sekolah-sekolah tersebut adalah di bawah pentadbiran negeri berkenaan di samping mematuhi syarat-syarat berikut:

- 3.1 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.2 Menjaga keselamatan dan kobajikan murid dan guru yang terlibat dengan program ini;
- 3.3 Murid-murid dan warga sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 3.4 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.5 Pihak penganjur hendaklah menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 3.6 Guru/guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- 3.7 Pihak tuan dipohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut; dan
- 3.8 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran dan sekolah, guru dan murid yang terlibat.

4. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh 30 Julai 2010.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

SHAZALI BIN AHMAD
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Semua Pengarah Pelajaran Negeri
 2. Timbalan Pengarah Pelajaran WP Putrajaya
 3. Timbalan Pengarah Pelajaran WP Labuan